

## Baca@Perpustakaan

### SENI BERCAKAP-CAKAP DAN BERBUAL-BUAL EDISI KEMAS KINI

**Pengarang**  
**Abdullah Hassan dan**  
**Ainon Mohd**

**Penerbit**  
**PTS Publications &**  
**Distributors Sdn Bhd**

**ISBN**  
**983-192-243-3**



Kemahiran berkomunikasi yang berteraskan ilmu pengetahuan perlu dipelajari sebagaimana cabang-cabang ilmu yang lain. Kemahiran berkomunikasi menjadi pemangkin kepada sebuah perhubungan yang rapat sesama manusia, seterusnya memberi kebahagiaan setelah memenuhi kehendak jasmani dan rohani mereka.

**Buku Seni Bercakap-cakap dan Berbual-bual** ini merupakan buku yang mengetengahkan panduan dalam meningkat seni bercakap dan berbual. Panduan yang dikemukakan ini dapat membantu sesiapa saja yang ingin meningkatkan kemahiran bercakap dan berbual. Pembaca juga boleh memahami dengan mudah tentang fungsi bercakap dan berbual, kemahiran mendengar, etika ketika berkomunikasi serta cara membaca bahasa badan. Selain itu, penulis turut membincangkan jenis-jenis bahasa seperti bahasa sikap, bahasa ruang, bahasa sentuhan dan bahasa muka. Buku ini sesuai dibaca oleh warga UniMAP yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan kaunseling.



## EQ PANDUAN MENINGKATKAN KECERDASAN EMOSI

**Pengarang**  
**Mohd Azhar Abdul Hamid**  
(Editor)

**Penerbit**  
**PTS Publications &**  
**Distributors Sdn Bhd**

**ISBN**  
**983-192-243-3**



**EQ (Emotional Quotient)** atau kecerdasan emosi adalah cabang ilmu bidang psikologi. Setiap individu yang ingin berjaya memerlukan keseimbangan antara EQ dan IQ (**Intelligent Quotient**). Buku Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi ini membincangkan kaitan emosi dengan aspek kerohanian, pemikiran dan perkara ghaib. Ia juga mengaitkan kecerdasan emosi dengan konsep diri dan jiwa, kesederhanaan Islam dan manifestasinya dalam kehidupan Muslim. Kecerdasan emosi dalam aspek pengurusan, kepimpinan dan pendidikan juga turut diketengahkan oleh penulis.

Kecerdasan emosi dalam aspek pengurusan membantu seseorang pengurus semasa berurusan dengan staf bawahan dan pihak luar. Ia dapat mengelak berlakunya konflik, ketidakpercayaan sesama sendiri, pecah amanah dan rasuah. Kecerdasan emosi dalam aspek kepimpinan membolehkan seseorang pemimpin itu meningkatkan pengetahuan sosial, seterusnya berupaya mempengaruhi orang lain, memimpin kumpulan dan mengubah organisasi ke arah haluan positif. EQ juga penting dalam menguruskan tekanan hidup serta memupuk kreativiti dengan cara yang betul.

Para pendidik juga tidak terkecuali dalam memainkan peranan dan tanggungjawab mereka dalam meningkatkan enam (6) elemen kecerdasan emosi pelajar iaitu kesedaran sendiri, pengendalian emosi, empati, berhubung, bekerjasama dan penyelesaian konflik. Ianya terkandung dalam falsafah pendidikan kebangsaan. Buku ini turut mengupas aspek kecerdasan emosi yang ditemui dalam Bahasa Melayu menerusi pantun, peribahasa dan bahasa kiasan yang digunakan sebagai teguran serta nasihat.

Buku ini sesuai dibaca oleh semua peringkat masyarakat yang ingin memperbaiki diri dalam perhubungan sesama manusia dan ingin memajukan diri dalam semua aspek kehidupan. Pembaca akan lebih peka terhadap perasaan sendiri dan orang lain selepas membaca buku ini.

*Kedua-dua buah buku ini boleh diperolehi di Perpustakaan Universiti Malaysia Perlis. Bahan ini ditempatkan di Koleksi Rak Terbuka.*

**Baca @ Perpustakaan UniMAP**